

# Aktiviti variasi masjid tarik minat masyarakat

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**TANAH JAMBU, Ahad, 10 September.** - Aktiviti yang diselenggarakan oleh Jawatankuasa Takmir Masjid diharap akan dapat dipelbagai dan divariasikan agar program itu lebih menarik pada masa akan datang.

Selain itu juga, ia mampu menarik minat semua peringkat masyarakat termasuk golongan muda, tua serta Muslimin dan Muslimat.

Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri menyarankan perkara itu pada Majlis Penutup Bengkel Memakmurkan Masjid Belia-Beliawanis dan Kanak-Kanak di Masjid Kampung Tanah Jambu, di sini.

Awang Haji Amir Hisham berharap bengkel yang dianjurkan itu akan dapat menggalakkan lagi

para belia dan beliawanis untuk mendampingi dan memakmurkan masjid.

Selain itu, tambahnya, para peserta bengkel akan dapat berkongsi bersama rakan-rakan lain menerusi pengalaman, ilmu pengetahuan serta pengajaran berguna lagi bermanfaat yang diperolehi di sepanjang bengkel itu diadakan.

Beliau juga menaruh kepercayaan, para belia itu sendiri akan mengajak rakan-rakan mereka untuk sama-sama hadir ke masjid.

Ketua Imam masjid berkenaan, Pengiran Haji Rusman bin Pengiran Haji Shahbudin yang juga selaku Pengerusi Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir Masjid semasa ditemui sangat berterima kasih atas kejayaan

bengkel secara kolaborasi bersama Jabatan Hal Ehwal Masjid yang diadakan buat julung kalinya.

Katanya, sebahagian para peserta menimba ilmu baharu serta sebilangan mereka mengikuti Qiyamullail dan mereka juga hendak menyertai bengkel berkebajikan seumpama itu.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat juga menyampaikan sijil kepada 38 peserta bengkel.

Pihak AJK Takmir masjid itu juga akan mengadakan Bengkel Menghalusi Azan, sementara AJK Belia Masjid pula akan mengadakan aktiviti Minal Masjid Ilal Masjid pada bulan Disember nanti.



**PEMANGKU** Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (kanan) selaku tetamu kehormat menyampaikan sijil kepada 38 peserta Bengkel Memakmurkan Masjid Belia-Beliawanis dan Kanak-Kanak di Masjid Kampung Tanah Jambu.

# MPP UNISSA diseru jalankan tugas dengan penuh dedikasi



**REKTOR** Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal (depan, enam dari kanan) hadir pada Majlis Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2017 / 2018 dan Penghargaan bagi MPP 2016 / 2017, UNISSA.

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 9 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal

Pelajar telah mengadakan Majlis Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) 2017 / 2018 dan Penghargaan bagi MPP

2016 / 2017, UNISSA. Majlis berlangsung di Dewan Auditorium, UNISSA.

Penyampaian sijil penghargaan disempurnakan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Rektor UNISSA menyeru kepada barisan kepimpinan MPP yang baharu agar dapat menjalankan tugas kepimpinan dengan penuh dedikasi dan berdisiplin tanpa menjejaskan reputasi pembelajaran. MPP mempunyai peranan yang penting

dalam sama-sama mencorak hala tuju UNISSA untuk menjadikan sebuah universiti yang terunggul.

Beliau menambah lagi, adalah penting dalam melaksanakan setiap rancangan atau aktiviti secara bersama dan berencana dalam satu kepimpinan yang tersusun rapi.

Beliau seterusnya menyampaikan harapan kepada barisan pemimpin baharu MPP 2017 / 2018 supaya berusaha menjalankan tugas mereka dengan menggerakkan aktiviti-aktiviti pelajar dalam bidang akademik mahupun kegiatan-kegiatan kokurikulum lebih-lebih lagi yang bersangkutan dengan khidmat agama, masyarakat dan negara.

Seramai 30 pelajar secara keseluruhan telah dilantik untuk mengisi jawatan-jawatan MPP UNISSA dan Exco bagi Sesi 2017 / 2018.

Jawatan Yang Di-Pertua Pelajar, MPP pada tahun ini telah terajui oleh pelajar Tahun 2, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, iaitu Awang Muhammad Fuad bin Matahir.

Acara diselenggarakan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada bekas MPP UNISSA Sesi 2016 / 2017.

# Atasi kemiskinan, rancang kewangan secara teratur

**Oleh :** Khartini Hamir  
**Foto :** Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 10 September. - Literasi Kewangan adalah salah satu kaedah mengurangkan kemiskinan dan seterusnya menjurus pada sifar kemiskinan dalam kalangan banyak masyarakat.

Melalui Literasi Kewangan ini juga bermaksud mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang hal-hal kewangan yang berkaitan dengan perbankan, hartanah, insurans, pelaburan, simpanan dan cukai, selain juga bermaksud keupayaan ahli-ahli komuniti untuk memproses informasi ekonomi serta membuat keputusan tentang

perancangan kewangan.

Demikian dijelaskan oleh Penasihat Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali pada Bengkel Literasi Kewangan Ibu-Ibu dan Anak-Anak anjuran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) dengan kerjasama Standard Chartered Bank dan Hotel Radisson yang berlangsung di Mutiara Ballroom, Hotel Radisson, di sini.

"Dengan mengetahui literasi kewangan inilah kunci untuk mengawal budaya berhutang yang merupakan salah satu isu paling

mendesak dihadapi oleh komuniti di seluruh dunia, di samping beberapa faktor yang juga menyumbang pada gaya hidup yang membebaskan seperti berbelanja melampaui kemampuan, godaan gaya hidup mewah dan penggunaan barangan mahal dan kadang-kadang tidak perlu," ujarnya.

Pelita Brunei dalam temu bual bersama Datin Hajah Masni menjelaskan, para peserta bengkel terdiri daripada ibu-ibu tunggal yang dipilih melalui senarai Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkhiah dengan jumlah keramaian peserta seramai 30 orang yang hadir bersama anak-anak mereka berumur di antara 5 hingga 12 tahun.

Para fasilitator yang dijemput

ujarnya, terdiri daripada pegawai-pegawai atau kakitangan Standard Chartered Bank, di samping sukarelawan belia yang bertugas di bank berkenaan dan para penuntut Universiti Brunei Darussalam.

Antara objektif bengkel tersebut adalah bagi membolehkan para peserta memahami asas yang lebih baik mengenai perancangan kewangan yang betul, bijak dan teratur, di samping cara-cara untuk mengurangkan risiko berhutang yang terlalu banyak.

Melalui penerangan pakar-pakar yang dijemput diharap para peserta akan belajar mengawal tabiat berbelanja yang berlebihan selain memahami apa perbezaan keperluan dan keinginan.



**PENASIHAT** Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI), Datin Hajah Masni binti Haji Mohammad Ali semasa berucap pada Bengkel Literasi Kewangan Ibu-Ibu dan Anak-Anak.